# UPM, MTIB anjur Seminar Keusahawanan Perkayuan dan Ukiran Kayu Bumiputera Dalam Era Pasca-Pandemik 2022 Kongsi Kepakaran Bantu Usahawan Sektor Perkayuan

Oleh: Noor Ezereen Juferi




SERDANG, 8 Jun – Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar (FPAS), Universiti Putra Malaysia dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) menganjurkan Seminar Keusahawanan Perkayuan dan Ukiran Kayu Bumiputera Dalam Era Pasca-Pandemik 2022 bagi berkongsi kepakaran dan membantu usahawan sektor perkayuan.

Naib Canselor UPM, YH. Prof. Dato' Dr. Mohd. Roslan Sulaiman berkata UPM sentiasa bersedia untuk membantu para usahawan sektor perkayuan Bumiputera untuk menyerlahkan potensi dan prestasi mereka.

"UPM mempunyai kepakaran di Jabatan Industri Kayu dan Gentian, FPAS yang berpengalaman bukan hanya dalam bidang keusahawanan malah dalam pelbagai aspek industri perkayuan dan gentian yang saya pasti akan memberi manfaat kepada para usahawan perkayuan," katanya.

Tambah beliau, perkongsian ilmu dan kepakaran dapat merancakkan ekosistem kerjasama yang memberikan pulangan bermanfaat kepada semua pihak.

"Matlamat seminar ini adalah untuk menyebarluaskan maklumat terkini pencapaian usahawan Bumiputera dalam sektor perkayuan dan ukiran serta mengupas isu dihadapi dan merangka tindakan penambahbaikan untuk pembangunan keusahawanan dalam industri ini," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan Dekan, FPAS, UPM, Prof. Dr. Hazandy Abdul Hamid.



Ketua Pengarah MTIB, Tn. Hj. Mahpar Atan berkata penganjuran seminar itu diharapkan dapat dimanfaatkan oleh para peserta serta dapat membuahkan hasil yang positif demi kepentingan industri perkayuan termasuklah ukiran kayu yang amat sinonim dengan usahawan Bumiputera.

"Saya MTIB melalui Bahagian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera telah melaksanakan pelbagai program, aktiviti dan menyediakan insentif dalam usaha untuk meningkatkan Bumiputera di dalam industri perkayuan negara," katanya.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Operasi), MTIB, Tn. Hj. Kamaruzaman Othman dan Ketua Jabatan Industri Kayu dan Gentian, FPAS, UPM, Prof. Dr. Jegatheswaran Ratnasingam.

Selain itu, Tn. Hj. Mahpar Atan turut melancarkan buku bertajuk "Apresasi Buku Keusahawan" yang diterbitkan oleh UPM dengan kerjasama MTIB.

Seminar itu adalah kesinambungan daripada program keusahawanan Bumiputera dalam sektor perkayuan sejak tahun 2018 oleh Jabatan Industri Kayu dan Gentian, FPAS bersama rakan strategik yang lain. - UPM

Tarikh Input: 15/06/2022 | Kemaskini: 15/06/2022 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F

%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fupm_mtib_anjur_seminar_keusahawanan_perkayuan_dan_ukiran_kayu_bumiputera_dalam_era_pasca_pandemik_2022_kongsi_kepakaran_bantu_usahawan_sektor_perkayuan-67150&title=UPM%2C%20MTIB%20Anjur%20Seminar%20Keusahawanan%20Perkayuan%20Dan%20Ukiran%20Kayu%20Bumiputera%20Dalam%20Era%20Pasca-Pandemik%202022%20Kongsi%20Kepakaran%20Bantu%20Usahawan%20Sektor%20Perkayuan%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

LIHAT JUGA


Harga Air Mineral 'Kayangan', Persoalannya Kenapa? (/berita/harga_air_mineral_kayangan_persoalannya_kenapa-67155)


PELANTIKAN SEMULA DULI YANG MAHA MULIA (D.Y.M.M) SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ SEBAGAI CANSELOR UPM (/berita/pelantikan_semula_duli_yang_maha_mulia_dymm_sultan_sharafuddin_idris_shah_alhaj_sebagai_canselor_upm-67154)



UPM Ke-123 Universiti Terbaik Dunia, Lonjakan 20 Anak Tangga (/berita/upm_ke_123_universiti_terbaik_dunia_lonjakan_20_anak_tangga-67153)

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
---
pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000
---
pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)
Keluarga Malaysia (https://keluargamalaysia.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)
Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)
Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)
Takwim UPM 2022 (https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20220307083100TAKWIM_UPM_2022_(KESELURUHAN).pdf)

(http://putra.upm.edu.my) (http://portal.upm.edu.my)
(http://www.pertanika.upm.edu.my) (http://www.learninghub.upm.edu.my)
(http://www.psasir.upm.edu.my/) (https://smp.upm.edu.my)
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/) (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
(http://reg.upm.edu.my/eISO/) (http://emel.upm.edu.my)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2022 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

W1VGQPA:15:35